

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a. Hajah Intan tidak suka membeli barang-barang secara berhutang, sebaliknya dia membayar secara _____.

b. Rumah nenek saya terletak di kaki bukit dan bukannya di _____ bukit itu.

c. Kapal rosak yang terapung di tengah lautan itu, akhirnya _____ dipukul ombak.

d. Perusahaan membuat batik pada masa dahulu dibuat secara tradisional dan sekarang teknik _____ telah digunakan.

e. Pada mulanya Alif berasa waswas mengikuti pertandingan nyanyian itu tetapi setelah dinasihati oleh gurunya, akhirnya dia berasa lebih _____.

[5 markah]

tenggelam	tunai	moden	puncak	yakin
-----------	-------	-------	--------	-------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

a. Penggunaan kaedah moden telah dapat meningkatkan hasil pertanian berbanding dengan kaedah _____.

b. Sains dan teknologi lebih banyak mendatangkan kebaikan daripada _____.

c. Hafiq mencuci kereta ayahnya yang kotor itu sehingga _____.

d. Baju-baju yang basah itu belum _____ kerana cuaca mendung sepanjang hari.

e. Ibu bapa memelihara kita semasa sihat. Oleh itu, jagalah mereka apabila mereka _____.

[5 markah]

bersih	kering	tradisional	sakit	keburukan
--------	--------	-------------	-------	-----------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Cikgu Luna mengarahkan murid yang _____ berbaris di hadapan manakala yang tinggi berbaris di belakang.
- b. Makcik Aminah mempunyai seorang anak _____ dan dua orang anak lelaki.
- c. Negara kita mengeksport gas ke Jepun dan _____ beras dari Thailand.
- d. Iqbal baru sahaja mengeluarkan wangnya setelah sekian lama _____ di bank.
- e. Tanah itu digali terlebih dahulu, kemudian di _____ setelah dimasukkan biji benih.

[5 markah]

mengimport	rendah	tanam	perempuan	memasukkan
------------	--------	-------	-----------	------------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Pokok bunga yang mekar itu menjadi _____ kerana tidak disiram dengan air.
- b. Raziq yang berasal dari kampung pedalaman pergi ke _____ untuk mencari pekerjaan.
- c. Ais kiub yang beku itu menjadi _____ apabila dicampur dengan air panas.
- d. Kita hendaklah menolong orang dengan hati yang _____ bukan kerana terpaksa.
- e. Kucing yang liar itu menjadi _____ setelah diberi makanan.

[5 markah]

bandar	ikhlas	jinak	layu	cair
--------	--------	-------	------	------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.
- Abang Iskandar memancing ikan dalam sungai yang keruh tetapi di hulu sungai itu airnya _____.
 - Pertunjukan itu bermula lebih awal dari masa yang telah ditetapkan dan _____ pada jam 10.30 malam.
 - Diana gemar menonton cerita-cerita yang berunsur tauladan dan _____ cerita-cerita seram yang ditayangkan di televisyen.
 - Anak-anak Puan Maimon sering mempunyai pendapat yang sama manakala anak-anak Puan Rosnah sentiasa _____ pendapat.
 - Kedai runcit Awang Kasran yang dahulunya mundur kini semakin _____ disebabkan usahanya yang gigih.
- [5 markah]

benci	maju	jernih	berbeza	berakhir
-------	------	--------	---------	----------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.
- Ayah menyuruh saya mengangkat kerusi yang menghalang pintu dan _____ kannya di sudut bilik.
 - Kumpulan yang membantah rancangan itu akhirnya _____ setelah diberi penerangan yang jelas.
 - Kita perlu berhati-hati ketika berada di jalan raya kerana jika kita _____, bahaya menanti kita.
 - Seluar yang dipakai adik tidak lagi sempit malahan menjadi _____ setelah berat badannya turun.
 - Walaupun hidupnya senang sekarang, dia tidak lupa hidupnya yang _____ dahulu.

[5 markah]

susah	cuai	memindahkan	longgar	menyetujui
-------	------	-------------	---------	------------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Sikap berjimat merupakan amalan yang terpuji tetapi sikap _____ tidak digalakkan oleh agama Islam.
- b. Pada masa ini negara kita mengalami musim kemarau dan bulan Disember nanti dijangkakan berlaku musim _____.
- c. Burung-burung mula terbang mencari makan seawal subuh lagi. Apabila hari menjelang _____, burung-burung akan pulang ke sarang mereka.
- d. Zahari sering dipuji oleh ketuanya kerana menjalankan tugas tanpa mengira masa. Rahman pula _____ kerana malas, curi tulang dan cuai membuat kerja yang diarahkan.
- e. Permukaan daun lada apabila dipegang terasa licin manakala daun tarap pula terasa _____.

[5 markah]

dimarahi	membazir	senja	hujan/tengkujuh	kesat
----------	----------	-------	-----------------	-------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Buatlah pekerjaan yang ber _____ dan tinggalkan pekerjaan yang sia-sia.
- b. Kita mestilah sentiasa ingat kepada kedua ibu bapa, janganlah _____ pengorbanan mereka yang telah mengasihi dan mendidik kita.
- c. Persahabatan Amalia dan Batrisyia yang rapat sejak dahulu menjadi _____ akibat perselisihan faham.
- d. Wajah lelaki itu masih kelihatan muda walaupun sebenarnya dia sudah _____.
- e. Rumah usang yang terletak di hujung kampung itu telah diroboh dan digantikan dengan bangunan yang _____.

tua	renggang	lupa	baharu	faedah
-----	----------	------	--------	--------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Buah yang _____ rasanya manis, tetapi yang mentah rasanya masam.
- Kedai itu jauh dari rumah saya tetapi _____ dengan sekolah kami.
- Kawasan ini tempat larangan, oleh itu orang ramai dilarang _____ atau keluar tanpa kebenaran.
- Pilihlah barang-barang asli. Jangan pilih barang-barang _____.
- Isterinya memasak di dapur dan _____ nya sedang membaca surat khabar.

masuk	dekat	suami	masak	tiruan/palsu
-------	-------	-------	-------	--------------

Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Jika minuman milo itu manis, tambahkan air supaya rasanya _____.
- Saloma seorang biduanita yang terkenal sementara suaminya P. Ramlee pula seorang _____.
- Sejak dia mengamalkan petua itu kepalanya yang botak kini sudah _____.
- Kita mestilah makan sayur-sayuran yang _____ dan elakkan makan sayur-sayuran yang sudah layu.
- Baginda mempunyai seorang puteri yang jelita dan tiga orang _____ yang kacak.

[5 markah]

biduan	tawar	putera	segar	berambut
--------	-------	--------	-------	----------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Pengembara itu terpaksa mendaki dan _____ bukit untuk sampai ke tasik bersejarah itu.
- Mereka pergi pada waktu Subuh dan _____ hampir Maghrib.
- Dua beradik itu akhirnya bertemu setelah lama _____.
- Ak Muhammad Hanif tidak tahu bahagian hujung dan _____ kayu itu.
- Jurulatih acara senaman itu mengarahkan peserta mendongakkan kepala, kemudian _____ kepala mereka.

[5 markah]

kembali/balik	pangkal	menuruni	menundukkan	berpisah
---------------	---------	----------	-------------	----------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Ramai pekerja di bandar berasal dari _____.
- Budak-budak tidak mudah menerima nasihat secara kasar tetapi mudah menerima secara _____.
- Imam hendaklah berdiri di hadapan _____ ketika sembahyang berjemaah.
- Nelayan itu akan pulang sebelum petang tetapi pergi ke laut pada waktu _____.
- Jika kamu ada masa lapang buatlah pekerjaan yang berfaedah dan tinggalkan pekerjaan yang _____.

Sia-sia	makmum	Kampung	Pagi/siang	Lemah lembut
---------	--------	---------	------------	--------------

2. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Aini rajin memasak tetapi _____ mencuci pinggan.
- b. Abangnya gagap tetapi _____ fasih berbahasa Inggeris.
- c. Jiran saya, Hadi seorang biduan dan adiknya Rafeah seorang _____.
- d. Guru-guru mendidik _____ supaya menjadi orang yang berguna kelak.
- e. Parang yang _____ kalau diasah akan menjadi tajam.

[5 markah]

tumpul	adiknya	biduanita	malas	murid-murid
--------	---------	-----------	-------	-------------